

**SULIT**

BahasaMelayu  
**1103/1**  
**Kertas 1**  
**[ OKTOBER ]**  
2 ¼ Jam

**MODUL PENGESANAN III SPM**

**TAHUN 2020**

**TINGKATAN 5**

---

---

**PANDUAN PEMARKAHAN**

**BAHASA MELAYU**

Kertas 1

---

---

## **Kertas 1**

**Markah Penuh : 130**

### **1.0 Tujuan Pengujian : Untuk menguji kebolehan calon dalam**

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

### **2.0 Langkah-langkah Pemeriksaan**

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria yang berikut  
:

## PERATURAN PEMARKAHAN SOALAN BAHAGIAN A

### Arahan dalam soalan Bahagian A

- Panjangnya antara 200 – 250 patah perkataan.

### KRITERIA PENSKORAN BAHAGIAN A

[30 markah]

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang  CA  CB	<b>26 – 30</b>  (28 – 30)  (26 – 27)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Karangan <b>menepati tema</b> bahan rangsangan.</li><li>• <b>Bahasa gramatis</b> dari segi kata dan ayat. Penggunaan <b>tanda baca betul</b> dan <b>tepat</b>. Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan <b>kosa kata luas</b> dan <b>tepat</b>.</li><li>• <b>Wacana lengkap</b>. <b>Unsur bahasa</b> yang digunakan <b>bervariasi</b> dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b>.</li><li>• Idea relevan dengan <b>tema</b> bahan rangsangan dan dihuraikan dengan <b>jelas</b> dan <b>matang</b>.</li></ul>
Kepujian  KA  KB	<b>20 – 25</b>  (23 – 25)  (20 – 22)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Karangan <b>menepati tema</b> bahan rangsangan.</li><li>• <b>Bahasa gramatis</b> dari segi kata dan ayat. Penggunaan <b>tanda baca betul</b> dan <b>tepat</b>. Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan <b>kosa kata luas</b>.</li><li>• <b>Wacana lengkap</b>. <b>Unsur bahasa</b> yang digunakan bervariasi.</li><li>• Idea relevan dengan <b>tema</b> bahan rangsangan dan dihuraikan dengan <b>jelas</b>.</li></ul>

Memuaskan	<b>15 – 19</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih menepati tema</b> bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat. Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>• Wacana <b>masih</b> lengkap. Unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b>masih</b> relevan dengan tugas bahan rangsangan. Huraian idea <b>masih</b> jelas.</li> </ul>
MA	(17 – 19)	
MB	(15 – 16)	
Kurang Memuaskan	<b>10 – 14</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>kurang menepati tema</b> bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat. <b>Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara.</b> Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara.</b> Penggunaan kosa kata terhad.</li> <li>• Wacana <b>kurang</b> lengkap. Unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b>kurang</b> relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraiananya <b>kurang</b> jelas.</li> </ul>
KMA	(12 – 14)	
KMB	(10 – 11)	
Pencapaian Minimum	<b>01 – 09</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>• Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Idea <b>tidak</b> menepati tugas bahan rangsangan.</li> <li>• Karangan tidak siap atau tergantung.</li> </ul>
	(06 – 09)	
	(01 – 05)	

\* *Ungkapan yang menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud al-Quran dan lain-lain.*

\* Catatan : - Tiada pemotongan markah bagi setiap kesalahan ejaan

## SOALAN BAHAGIAN A

- **Tugasan** : Calon dikehendaki menghurai tentang **kepentingan** perhimpunan rasmi dalam kalangan murid di sekolah.
- Membentuk disiplin murid
- Menanam semangat patriotisme
- Membudaya kemahiran mencatat

## KEMUNGKINAN CALON

- a) Menceritakan dan menghurai pengalaman menyertai perhimpunan rasmi dan kepentingnya kepada murid – **terima seperti biasa boleh dapat cemerlang jika bahasa baik**
- b) Menghurai kepentingan perhimpunan rasmi yang lain bukan perhimpunan rasmi di sekolah – **Peringkat Kepujian bawah**
- c) Menghurai aktiviti-aktiviti semasa perhimpunan rasmi - **Peringkat kurang memuaskan**
- d) Menghuraikan selain daripada kepentingan perhimpunan rasmi dalam kalangan murid di sekolah. - **Pencapaian minimum**

## PERATURAN PEMARKAHAN SOALAN BAHAGIAN B

### PERINCIAN PEMARKAHAN

#### Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Maksud kematangan dalam penulisan :
  - (a) Cara penulisan calon, lengkap dan betul wacana (ada kesinambungan idea).
  - (b) Tahap pemikiran / contoh yang diberikan menunjukkan pengetahuan yang luas (tidak hanya berkisar isu-isu di sekitarnya) – bacaan luas.
3. Semasa penandaan, *impression* pertama adalah paling tepat kerana kita telah menilai karangan calon dari segi tugas, bahasa dan olahan secara holistik.
4. Elakkan mencari kesalahan calon untuk menurunkan markah calon. Cari kekuatan yang ada pada skrip calon.
5. Bagi skrip cemerlang, perlu ada toleransi bagi kesalahan minimum kerana karangan cemerlang bukan bebas daripada kesalahan tatabahasa. Perlu dilihat secara holistik mana-mana kriteria yang lebih dominan.
6. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.
7. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan **maksimum 3 markah**. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
8. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca :

( ) = Kesalahan isi

\_\_\_\_\_ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

## Bahagian B: Karangan Respons Terbuka

[100 markah]

KRITERIA	DESKRIPSI
<b>1. BAHASA</b> (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kegramatisan – kata (morfologi) – ayat (sintaksis)</li><li>• Tanda baca</li><li>• Ejaan</li></ul>
<b>2. LARAS</b> (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemilihan kosa kata</li></ul>
<b>3. IDEA (ISI)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tema</li><li>• Isi utama</li><li>• Pengembangan (huraian / bahasa / hujahan / contoh)</li><li>• Kerelevanan</li></ul>
<b>4. PENGOLAHAN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Wacana</li><li>• Logik</li><li>• Pemerenggan</li><li>• Format</li></ul>
<b>5. GAYA BAHASA</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Keindahan bahasa</li><li>• Ungkapan</li><li>• Peribahasa</li></ul>

## KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<p>Cemerlang</p> <p>CA</p> <p>CB</p>	<p><b>80 – 100</b></p> <p>(90 – 100)</p> <p>(80 – 89)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan <b>jelas dan matang</b>, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan tepat.</li> <li>Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li><b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul.</li> <li>Penggunaan <b>pelbagai jenis ayat majmuk</b> yang gramatis.</li> <li><b>Laras bahasa</b> yang sesuai dengan tugas.</li> <li>Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b>.</li> <li><b>Gaya bahasa sangat</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> <li><b>Pengolahan menarik</b> dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li><b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara <b>perenggan</b>.</li> </ul>
<p>Kepujian</p> <p>KA</p> <p>KB</p>	<p><b>66 – 79</b></p> <p>(73 – 79)</p> <p>(66 – 72)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan <b>jelas</b>, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat.</li> <li>Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li><b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul.</li> <li>Penggunaan <b>pelbagai jenis ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum.</li> <li><b>Laras bahasa</b> yang sesuai dengan tugas.</li> <li>Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b>.</li> <li><b>Gaya bahasa sangat</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> <li><b>Pengolahan menarik</b> dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li><b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara <b>perenggan</b>.</li> </ul>



Baik	51 – 65	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata umum</b>.</li> <li>• <b>Ejaan dan tanda baca</b> masih betul.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat</b> gramatis tetapi terdapat kesalahan yang <b>minimum</b>.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai mengikut tugas.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan</b>.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> masih menarik, dan pemerenggan masih sesuai.</li> <li>• <b>Wacana masih</b> lengkap.</li> </ul>
BA	(58 – 65)	
BB	(51 – 57)	
Memuaskan	36 – 50	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugas, huraian isi <b>kurang</b> jelas dan contoh <b>kurang</b> sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata terhad</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata umum dan terhad</b>.</li> <li>• <b>Ejaan dan tanda baca</b> betul tetapi terdapat kesalahan minimum.</li> <li>• Ayat <b>kurang</b> gramatis.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> kurang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa kurang bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan</b>.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> kurang menarik.</li> <li>• <b>Wacana masih / kurang</b> lengkap.</li> </ul>
MA	(43 – 50)	
MB	(36 – 42)	

<p>Kurang Memuaskan</p> <p>KMA</p> <p>KMB</p>	<p>21 – 35</p> <p>(28 – 35)</p> <p>(21 – 27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea masih relevan</b> / idea bercampur aduk dan huraian isi <b>tidak</b> jelas dan contoh <b>kurang</b> sesuai.</li> <li>• Penggunaan kata <b>kurang tepat</b>.</li> <li>• Terdapat <b>kesalahan ejaan dan tanda baca</b> yang ketara.</li> <li>• Ayat <b>tidak</b> gramatis tetapi <b>masih</b> difahami.</li> <li>• <b>Unsur bahasa tidak bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>lemah</b>.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana tidak</b> lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> </ul>
<p>Pencapaian Minimum</p> <p>PMA</p> <p>PMB</p>	<p>01 – 20</p> <p>(11 – 20)</p> <p>(01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea</b> bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li>• Keseluruhan karangan menunjukkan penggunaan <b>kata</b> dan <b>ayat</b> yang <b>tidak gramatis</b>.</li> <li>• Kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang ketara.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li>• Keseluruhan karangan <b>sukar / tidak difahami</b>.</li> </ul>

## PANDUAN PEMERIKSAAN SOALAN BAHAGIAN B

### SOALAN 1 :

Amalan menjaga kebersihan diri dan persekitaran sangat penting dalam kehidupan remaja agar berada dalam keadaan yang baik dan sejahtera.

Anda bercadang untuk menulis rencana yang bertajuk “ Kepentingan Menjaga Kebersihan diri dan persekitaran dalam Kalangan Remaja” untuk dimuatkan dalam majalah tahunan sekolah anda. Tulis rencana tersebut selengkapnya.

### KEHENDAK SOALAN

- a) Calon perlu menulis rencana bertajuk ‘ Kepentingan Menjaga Kebersihan diri dan persekitaran dalam Kalangan Remaja’. dengan menggunakan format yang betul
- b) **Cadangan isi**
- dapat meningkatkan kualiti hidup /produktiviti/sumbangan
  - dapat menghindari penyakit dan masalah kesihatan
  - dapat mendisiplinkan diri
  - dapat menonjolkan penampilan diri yang kemas, bergaya dan berwatakan yang menarik
  - dapat mewujudkan suasana yang bersih tenang, cantik dan harmoni
  - mengukuhkan perpaduan antara jiran (persekitaran rumah bersih tidak mengganggu jiran )

### ANALISIS SOALAN

- a) **Tema** : Kebersihan diri dan persekitaran
- b) **Tugasan** : menulis rencana bertajuk Kepentingan Menjaga Kebersihan diri dan persekitaran dalam Kalangan Remaja”.
- c) **Format** : Rencana- **TAJUK** : 1 markah  
- **NAMA PENULIS** : 1 markah
- d) **Pelaku** : Remaja/pelajar
- e) **Fokus/sasaran** : Remaja/pelajar

### KEMUNGKINAN CALON

- a) menjawab Kepentingan Menjaga Kebersihan diri dan persekitaran secara umum bukan merujuk kepada diri remaja itu sendiri (keluarga/ masyarakat)– **peringkat kurang memuaskan**
- b) menjawab tidak memberikan contoh cara menjaga kebersihan diri (dinyatakan secara umum dalam huraian, tidak memperincikan aktiviti menjaga kebersihan diri dan persekitaran ) -**peringkat kepujian bawah**
- c) Menulis karangan tidak mengikut format- **peringkat kepujian bawah**

Format : tajuk – tiada -tolak  $\frac{1}{2}$  : Contoh Tajuk: Kepentingan Menjaga Kebersihan diri dan persekitaran dalam Kalangan Remaja.

Nama penulis: tiada - tolak  $\frac{1}{2}$

## SOALAN 2 :

Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memupuk semangat cinta akan negara terhadap anak-anak.

Ulaskan pernyataan tersebut

### KEHENDAK SOALAN

- a) Calon perlu menulis peranan ibu bapa dalam memupuk semangat cinta akan negara terhadap anak-anak.
- b) **Cadangan isi**
  - Ibu bapa meluangkan masa untuk bercerita mengenai peristiwa-peristiwa atau kisah yang berkaitan dengan sejarah kepada anak-anak
  - ibu bapa juga harus membawa anak-anak untuk menyertai sambutan peristiwa-peristiwa penting negara seperti hari kemerdekaan
  - ibu bapa perlu menjadi suri teladan / menjadi ikon kepada anak-anak dalam menerapkan semangat cinta akan negara.
  - ibu bapa yang membimbing anak-anak mereka dalam menguasai subjek Sejarah.
  - ibu bapa juga hendaklah membeli buku-buku yang berkaitan dengan sejarah atau buku-buku novel bertemakan semangat patriotisme
  - Ibu bapa juga dapat menerapkan semangat patriotisme dalam diri anak-anak dengan menggalakkan anak-anak menyertai program bertemakan patriotik seperti Program Latihan Khidmat Negara(PLKN) sekarang kem kepimpinan

### ANALISIS SOALAN

- a) **Tema** : Patriotik
- b) **Tugasan** : peranan ibu bapa dalam memupuk semangat cinta akan negara terhadap anak-anak.
- c) **Pelaku** : ibu bapa
- d) **Fokus/sasaran** : anak-anak

### KEMUNGKINAN CALON

- a. Menjawab peranan ibu bapa dan peranan pihak lain **-peringkat kepujian atas jika bahasa baik**

- b. Menjawab perkara yang dilakukan oleh anak-anak untuk memuok semangat cinta akan negara - **kurang memuaskan bawah jika bahasa baik**

### SOALAN 3 :

Rumah Terbuka yang diadakan pada hari perayaan mampu mengukuhkan perpaduan kaum di negara ini.

Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan pendapat anda tentang kebaikan mengadakan rumah terbuka di negara ini.

#### KEHENDAK SOALAN

- c) Calon perlu menulis pendapat tentang kebaikan mengadakan rumah terbuka di negara ini.
- d) **Cadangan isi**
- merapatkan ikatan silaturahim dan mengeratkan hubungan antara jiran tetangga
  - mengukuhkan perpaduan kaum
  - dapat mengenali dan memahami budaya kaum lain
  - menjadi satu produk pelancongan
  - dapat menjamah dan mengenali pelbagai juadah mengikut negeri dan kaum
  - menjadi model keamanan dunia

#### ANALISIS SOALAN

- a) **Tema** : rumah terbuka
- b) **Tugasan** : kebaikan mengadakan rumah terbuka di negara ini
- c) **Pelaku** : kita/masyarakat
- d) **Fokus/sasaran** : masyarakat

#### KEMUNGKINAN CALON

- a) menjawab kebaikan mengadakan majlis lain dan bukan rumah terbuka di negara ini – **peringkat memuaskan**
- b) menjawab pengalaman pergi ke rumah terbuka - **peringkat kurang memuaskan**

#### SOALAN 4 :

Kepelbagaian produk makanan sejuk beku antarabangsa turut melibatkan Malaysia kerana produk makanan sejuk beku Malaysia terjamin kebersihan dan khasiatnya serta mendapat pengiktirafan dunia.

Jelaskan keistimewaan -keistimewaan produk makanan sejuk beku kepada masyarakat dunia

#### KEHENDAK SOALAN

- e) Calon perlu menulis keistimewaan -keistimewaan produk makanan sejuk beku kepada masyarakat dunia
- f) **Cadangan isi**
- dapat dipasarkan dengan lebih meluas ke seluruh dunia
  - .bahan makanan boleh disimpan lama tanpa bahan pengawet yang memudaratkan kesihatan
  - produk sejuk beku menjamin kesegaran hingga tiba ke negara yang jauh
  - makanan berlebihan tidak dibazirkan boleh disejuk beku dan dihantar ke negara yang memerlukan
  - makanan siap yang disejukbekukan memudahkan penyediaan makanan
  - memberi peluang kepada penduduk dunia merasai makanan yang tiada ditempat mereka /mendapatkan bahan makanan draripada negara lain yang segar melalui kaedah sejuk beku.

#### ANALISIS SOALAN

- a) **Tema** : makanan sejuk beku
- b) **Tugasan** : keistimewaan -keistimewaan produk makanan sejuk beku kepada masyarakat dunia
- c) **Pelaku** : masyarakat dunia
- d) **Fokus/sasaran** : masyarakat dunia

#### KEMUNGKINAN CALON

- a) menjawab tugasan dengan tidak menyatakan nama negara yang menggunakan pembungkusan makanan kaedah sejuk beku dan negara yang menerima manfaat daripada kaedah - **Peringkat memuaskan**
- b) menjawab tidak menyatakan makanan yang menggunakan kaedah sejuk beku - **peringkat memuaskan**

## SOALAN 5 :

Puisi tradisional seperti pantun, syair, seloka dan gurindam merupakan warisan bangsa yang perlu dipertahankan.

Jelaskan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk memastikan puisi tradisional tidak luput ditelan zaman

### KEHENDAK SOALAN

- a) Calon perlu menulis usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk memastikan puisi tradisional tidak luput ditelan zaman
- b) **Cadangan isi**
  - ibu bapa pihak yang paling dominan berperanan memperkenalkan dan mempopularkan puisi tradisional kepada kepada anak-anak.
  - pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia yang memasukkan puisi tradisional dalam Komsas Bahasa Melayu di sekolah
  - Pihak kerajaan dan bukan kerajaan mengadakan pelbagai kempen cintai puisi tradisional
  - Pertukaran budaya dengan negara-negara jiran misalnya, melalui ASEAN merupakan inisiatif lain yang boleh dilakukan bagi mempopularkan puisi tradisional
  - menganjurkan pelbagai bentuk pertandingan dengan hadiah yang lumayan
  - pihak media massa harus sentiasa membuat pengiklanan yang menarik sebagai langkah awal bagi masyarakat untuk meminati puisi tradisional.

### ANALISIS SOALAN

- |                         |   |   |
|-------------------------|---|---|
| a) <b>Tema</b>          | : | Sastera / puisi tradisional   |
| b) <b>Tugasan</b>       | : | menulis usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk memastikan puisi tradisional tidak luput ditelan zaman |
| <b>Pelaku</b>           | : | pelbagai pihak  |
| c) <b>Fokus/sasaran</b> | : | masyarakat  |

### KEMUNGKINAN CALON

- a. Menjawab usaha-usaha yang yang perlu dilakukan untuk memastikan sastera secara umum I tidak luput ditelan zaman - **peringkat baik atas jika bahasa baik**